

**Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR**  
**Tempat : COSTA RICA HOTEL, PORT DICKSON**  
**Tarikh : 26 JUN 2003**  
**Tajuk : UCAPTAMA DI MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU PERINGKAT**  
**DAERAH PORT DICKSON**

Pengerusi Majlis

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya hadir di Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Daerah Port Dickson pada petang ini.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pihak penganjur kerana sudi mengundang saya ke majlis yang amat bererti ini dan sekaligus memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama dengan Tuan-tuan dan Puan-puan, yang pada saya adalah kumpulan yang penting di dalam membentuk dan mencorakkan generasi muda Malaysia.

3. Seperti kita sedia maklum, profession guru adalah amat mulia, kerana mereka yang menjadi pembimbing dan pengajar kepada anak-anak kecil mengenali sejarah dan perkembangan negara di samping memberikan ilmu bagi membolehkan mereka menjadi warganegara yang cerdik dan bijak pandai. Sumbangan Tuan-tuan dan Puan-puan sebenarnya amat tinggi nilainya. Guru adalah penyuluh kepada kita semua. Tanpa guru dan ilmu yang diajarkan, negara tidak mungkin mencapai kecemerlangan dan kemajuan yang nikmati sekarang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Ucapan saya pada hari ini akan berkisar di atas tajuk Hal Ehwal Malaysia – Cabaran Masakini dan Prospek Malaysia di dunia antarabangsa. Tajuk ini, saya pilih kerana saya merasakan penting bagi saya berkongsi dengan hadirin tentang cabaran-cabaran yang dihadapi Malaysia di dalam dunia antarabangsa, yang pada masa ini boleh dikatakan masih lagi mengalami keadaan yang tidak menentu, terutamanya selepas kejadian serangan pengganas 9/11 ke atas Amerika Syarikat dan penerobohan Iraq oleh Amerika Syarikat dan sekutunya serta keadaan yang masih bergolak di Asia Barat.

5. Kita perlu menerima hakikat bahawa dunia kini amat jauh berbeza dengan semasa kita mencapai kemerdekaan. Dunia masa kini memerlukan kepantasan akses kepada sumber maklumat dan keupayaan kita menangani cabaran yang wujud untuk mengelak negara kita dari tertinggal di belakang. Oleh itu, sebagai sebuah negara dagangan, Malaysia haru terus aktif memainkan peranan di peringkat antarabangsa dan sentiasa berwaspada bagi memastikan kepentingannya tidak tergugat di dalam

menghadapi segala cabaran. Pengendalian dasar luar negara pula perlulah mengambil kira perkembangan ini di samping memberi penekanan kepada kepentingan strategik negara.

6. Saya ingin menggariskan cabaran pertama iaitu perlanjutan kepentingan dan mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara. Ini perlu kita perjuangkan. Dalam konteks ini, pelaksanaan dasar luar negara adalah melalui usaha serta pendekatan yang berpandukan kepada memelihara dan menjamin keselamatan serta kemakmuran negara. Ini akan membolehkan kepimpinan kita melaksanakan dasar-dasar yang bersesuaian bagi memajukan negara. Kedua, kita juga perlu menentukan keamanan di rantau Asia Tenggara terus berkekalan dan kondusif bagi pembangunan di rantau ini supaya pertumbuhan ekonomi yang tinggi dapat dicapai. Kemakmuran serantau secara langsung akan memenafaatkan Malaysia. Di dalam kita menghadapi cabaran globalisasi masa kini, keupayaan kerajaan yang dilantik secara demokratik untuk merumuskan dasar-dasar untuk kebaikan rakyat mesti dipertahankan dan disokong oleh semua rakyat Malaysia. Malaysia sebenarnya tidak menolak globalisasi malahan kita juga telah dapat meraih menafaat, tetapi kita percaya ianya boleh diperbaiki supaya wujud keseimbangan di antara kepentingan bagi negara membangun dan negara maju. Apa yang kita khuatiri adalah tindakan dalang-dalang (daripada negara Barat) yang telah mencorakkan globalisasi supaya menjadi proses yang boleh memudaratkan negara-negara membangun. Kemudaratan ini adalah seperti menghakis kebebasan sesebuah negara untuk membuat keputusan sendiri dalam menentukan agenda pembangunan negara sendiri.

7. Alhamdulillah, baru-baru ini, semasa Sidang Tidak Rasmi G-8 di Evian, Perancis, beberapa Ketua Negara dan Kerajaan dari negara-negara membangun termasuk Malaysia, telah berpeluang berdialog dengan pemimpin dari negara-negara G-8. Hasil daripada Dialog ini, input yang diberi oleh negara-negara membangun telah dimabil kira oleh negara-negara G-8 dalam menentukan arah aliran perkembangan ekonomi dunia. Ini adalah dialog yang julung-julung kali diadakan di antara kedua pihak. Ini bagi kita adalah suatu kejayaan dan petanda yang positif di mana masyarakat antarabangsa (baik yang kaya atau miskin) dapat berinteraksi secara berkesan bagi mencari jalan mengatasi kepincangan sistem antarabangsa untuk membantu negara-negara membangun.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Malaysia agak berpuas hati dengan beberapa perkembangan positif di peringkat antarabangsa. Kini jelas pendapat Malaysia mengenai globalisasi semakin mendapat sokongan, terutamanya di kalangan negara-negara maju yang kini mengakui tentang kesan buruk yang timbul dari proses globalisasi. Negara-negara yang dulunya mencemuh dan memperkecilkan kemampuan kita kerana kononya kita tidak demokratik, tidak adil dan sebagainya, hari ini berusaha memperbaiki hubungan dengan kita. Lebih dari itu, ada juga yang mengakui bahawa polisi-polisi dan langkah yang kita ambil dalam menangani krisis kewangan 1997/1998 dan lain-lain isu domestik adalah berkesan dan berhasil. Oleh kerana ini, banyak negara-negara membangun yang ingin belajar dari kita dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara model untuk memajukan negara mereka.

9. Saya akan berbincang pula mengenai ancaman luar yang paling penting dan komprehensif yang terpaksa kita tempuhi, iaitu cabaran menangani isu ekonomi. Setiap negara berhak mencorakkan pelaksanaan pembangunan ekonomi masing-masing. Namun demikian, negara sedang membangun seringkali dikaburi dengan ancaman globalisasi dan liberalisasi. Ada kalanya globalisasi, liberalisasi, sistem perdagangan dan pembangunan didalangi dengan berbagai bentuk perlindungan perdagangan (*trade protectionism*) seperti alam sekitar dan undang-undang buruh yang ditetapkan oleh negara-negara Barat. Langkah-langkah *unilateral* dan pengenaan kuota dan tarif serta standard yang bertujuan untuk mengawal pasaran dan membataskan perdagangan bebas telah membawa kesan negatif kepada pasaran. Negara kurang maju dan negara sedang membangun tidak mempunyai daya saing untuk mempromosikan barangan dan kepentingan di pasaran global. Pengutaraan permasalahan mereka di forum antarabangsa pula terjejas oleh kerana sering memperolehi bantuan kewangan atau bergantung sepenuhnya dengan bantuan kewangan negara-negara maju.

10. Menyedari tentang pentingnya *asymmetry* ini diperbetulkan, Malaysia bersama-sama dengan negara yang sehaluan, terus memperjuangkan kerjasama pembangunan ekonomi antarabangsa. Kita sering menggesa agar dipertingkatkan bantuan kepada negara kurang membangun, penurunan kadar hutang, pemindahan teknologi, pengurangan jurang digital dan kaedah perdagangan yang setara. Kesemuanya ini adalah bertujuan untuk mengurangkan jurang di antara negara kaya dengan negara miskin.

11. Dasar *prosper thy neighbour* bagi menggalakkan kerjasama ekonomi di antara Malaysia dengan negara jiran juga telah diperluaskan penggunaannya kepada sektor swasta. Malaysia akan terus mencari usahasama, kesatuan perdagangan dan perkongsian pintar (*smart partnership*) dengan negara lain di peringkat kerajaan dan swasta bagi mengenalpasti peluang-peluang ekonomi demi keuntungan bersama.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Peristiwa serangan pengganas pada 11 September 2001 ke atas AS telah meninggalkan kesan mendalam kepada masyarakat dunia. Dunia telah berubah dengan drastik dan masyarakat antarabangsa termasuk Malaysia mengutuk keganasan kerana ia bukan cara untuk menyelesaikan masalah. Apa yang penting, jika kita tidak ingin melihat tindakan keganasan, dunia hendaklah sensitif dan memberi perhatian kepada ketidakadilan dan penindasan yang berlaku. Keganasan tidak mungkin dihapuskan dengan hanya memburu dan membunuh pengganas. Serangan di Bali, di Riyadh dan di Casablanca baru-baru ini membuktikan bahawa keganasan akan terus menular. Kita telah dari awal-awal lagi melafazkan kebimbangan kita bahawa kerakusan AS dengan agendanya tersendiri terhadap Iraq akan menyemarakkan lagi sentimen dunia Islam. Selagi ada penindasan dan penaklukan satu-satu kaum oleh kaum dan bangsa lain, akan ada orang yang terdesak dan akan sanggup mengganas. Dunia harus menyelesaikan sebab-sebab mengapa mereka mengganas.

13. Bagi yang ekstrem di dunia Islam, salah satu dorongan utama untuk mengganas adalah sebagai respon kepada tindak tanduk Israel (yang disokong AS) menyerang rakyat Palestin. Selagi sempadan Israel tidak ditentukan dan wilayah Palestin yang dirampas oleh Israel tidak dikembalikan, selagi hasrat Palestin untuk menubuhkan negaranya sendiri tidak kesampaian, keganasan tidak mungkin luput.

14. Dalam dunia dicengkam keganasan, kita harus bersyukur bahawa Malaysia terus diakui oleh banyak negara dan pihak sebagai sebuah negara Islam yang berpegang teguh kepada kesederhanaan ajaran Islam yang sebenar. Imej Islam yang diserang dapat dipulih sedikit dengan kestabilan, keharmonian antara kaum dan penganut agama yang berlainan serta kemajuan yang ketara di Malaysia. Kita dapat membuktikan bahawa Islam dan demokrasi tidak semestinya bercanggah.

15. Saya akan menyentuh pula mengenai pencerobohan AS dan sekutunya terhadap Iraq dan kesannya kepada dunia antarabangsa. Sebelum menghuraikan dengan lebih lanjut, perlu ditekankan bahawa pendirian yang kita ambil adalah berpandukan kepada prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam PBB. Kita tidak mahu melihat badan dunia itu dibelakangkan dalam hal keamanan dan sekuriti antarabangsa. Malaysia berpegang kepada prinsip penyelesaian sebarang pertikaian secara aman dan menentang sebarang tindakan unilateral. Serangan *pre-emptive* AS telah membuka landasan yang merbahaya yang boleh mengancam negara kecil dan mempunyai pendirian yang berbeza dengan Amerika Syarikat.

16. Pencerobohan ke atas Iraq oleh AS dan sekutunya telah menyebabkan perpecahan antara anggota-anggota masyarakat antarabangsa. Ia juga meninggalkan kesan yang mendalam terhadap PBB, prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa dan sistem *multilateralism* yang selama ini menjadi tunjang hubungan antara negara. Ini membawa kepada ketidakstabilan sistem antarabangsa, dan membawa kesan buruk kepada negara-negara kecil seperti Malaysia yang bergantung kepada undang-undang antarabangsa sebagai jaminan keselamatan dan kesejahteraan, baik dari segi politik, ketenteraan mahupun ekonomi.

17. Pencerobohan AS dan sekutunya juga telah memberi impak negatif terhadap usaha AS dan masyarakat antarabangsa untuk menentang keganasan antarabangsa. Walaupun pada peringkat kerajaan usaha akan tetap dijalankan seperti biasa, namun kesan negatif akan dirasai pada tahap masyarakat awam, terutamanya di Asia Barat. Sungguhpun demikian, Kerajaan mahukan kerjasama duahala antara Malaysia dan AS dalam hal ini berjalan seperti biasa.

18. Cabaran yang paling ketara ialah kewujudan Dunia Unipolar kerana ianya adalah suatu perkembangan yang membimbangkan. Kebimbangan kita adalah kerana sebuah dunia bersifat unipolar, dan sikap Amerika Syarikat yang tidak menghiraukan suara masyarakat antarabangsa boleh mengancam kestabilan dunia. Oleh kerana itu juga, kita menentang dengan keras tindakan /anerui

19. Tentunya timbul pertanyaan apakah tindakan dan suara lantang Malaysia di persada antarabangsa menentang pendirian Amerika Syarikat mendatangkan kesan yang negatif kepada negara. Di dalam hal ini, saya ingin menyatakan bahawa pihak AS sedia maklum akan pendirian Malaysia dalam berbagai isu, termasuk isu pencerobohannya ke atas Iraq. Kita tetap mempunyai hubungan duahala yang baik. Perselisihan pendapat antara negara di dalam sesuatu isu bukanlah bermakna hubungan perlu diputuskan. Kita bukan anti-Amerika. Malahan AS ada menyatakan hasratnya untuk melihat Malaysia, sebuah negara Islam yang *moderate* serta sebagai Pengerusi NAM, memainkan peranan dalam *post-war* Iraq termasuk memberi sokongan dalam bentuk anggota tentera kepada sebuah *multinational force* (bukan di bawah naungan PBB) ataupun menghantar pasukan polis bagi menjaga ketenteraman awam. AS juga menyatakan bahawa syarikat-syarikat Malaysia tidak disenarai-hitamkan dan boleh membuat tawaran untuk kontrak-kontrak membaik pulih Iraq. Ini menunjukkan pendirian dan peranan kita menangani isu-isu dan cabaran semasa di peringkat antrabangsa ada kesannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

20. Selama 22 tahun dibawah pucuk pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad , Malaysia bersikap pragmatik dan mula mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi iklim politik, keselamatan serta pembangunan sosial dan ekonomi yang memenafaatkan Malaysia. Malaysia lebih berkeyakinan dan berani menyatakan pendapat serta kedudukannya di arena antarabangsa mengenai pelbagai isu semasa dunia. Bukan sahaja kepentingan negara kita sahaja yang diketengahkan, pendirian dan kepentingan negara-negara membangun dari Selatan dalam menangani isu-isu seperti demokrasi, hak asasi manusia dan alam sekitar juga diketengahkan.

21. Malaysia pada masa ini, bukan lagi sebuah negara "kerdil" dan "terpencil" di pentas antarabangsa. Kita telah melangkah jauh melewati sempadan sendiri dalam memainkan peranan kita di arena antarabangsa. Perubahan kepada corak dan pendekatan yang kita alami pada masa ini adalah sejajar dengan perkembangan dunia semasa yang memerlukan kerajaan dan kepimpinan negara mengambil tindakan dan pendekatan yang lebih terserlah di peringkat antarabangsa.

22. Hari ini, kita dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju dunia. Kita bebas dan bermaruah. Kita tidak rasa tersisih ataupun diketepikan oleh masyarakat dunia. Suara kita terus didengar di persada antarabangsa dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa. Banyak negara-negara yang sedang membangun begitu tertarik dan menyanjung tinggi dasar luar kita yang pragmatik. Penglibatan serta peranan negara di peringkat antarabangsa, ini dapat dilaksanakan kerana dasar luar kita yang mantap, tidak liar dan berasaskan nafsu serta sokongan rakyat yang bulat kepada kerajaan dan kepimpinan negara.

23. Kita perlu bangga bahawa kita di Malaysia pada masa ini dapat hidup selesa. Apa yang penting kini adalah untuk kita bersama-sama terus mendokong usaha-usaha kerajaan agar negara akan terus mencapai kecemerlangan. Dengan kemajuan dan pembangunan yang dinikmati itu, kebebasan dan kedaulatan negara tidak akan tergadai. Kita semua bertanggungjawab dan perlu memainkan peranan di dalam

dunia yang sentiasa berubah dan mencabar ini. Malaysia tidak boleh tersisih atau ketinggalan di belakang.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.